


MPK selesaikan semua aduan di TSK

BH ONLINE | Khamis, 7 November 2019 | 9:43am



PENGERUSI Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Abdul Rahim Muda.

KUANTAN: Isu penyelenggaraan dan kebersihan Terminal Sentral Kuantan (TSK) dekat sini sedang diuruskan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) bagi memastikan keselesaan pengguna.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Abdul Rahim Muda, berkata semua aduan mengenai masalah kerosakan kemudahan asas seperti eskalator dan tandas awam di terminal itu sedang diatasi pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit.

“Aduan mengenai isu kebersihan dan kerosakan beberapa infrastruktur di TSK memang dalam pemerhatian dan tindakan MPK, kita sedia maklum dengan keluhan pengguna dan peniaga yang berada di situ.

“Sebenarnya, ada isu yang dibangkitkan mereka (pengguna) sudah pun selesai, contohnya masalah kerosakan eskalator sudah ditangani pihak MPK.

“Saya dimaklumkan kerja baik pulih sudah siap, cuma tunggu kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) sebelum boleh digunakan oleh orang awam,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai rungutan pengguna yang mempersoalkan kerja penyelenggaraan di TSK hingga menyukarkan urusan mereka.

Terminal bernilai kira-kira RM400 juta yang mula beroperasi Ogos 2013 itu adalah antara lokasi tumpuan pelancong dari dalam dan luar Pahang yang menggunakan perkhidmatan bas ekspres, selain menjadi hentian bas Rapid Kuantan serta perkhidmatan e-hailing.